

DEKLARASI GEORGE TOWN

5 Mac 2024

George Town, Pulau Pinang, Malaysia

MUKADIMAH

Kami, selaku peserta Simposium Antarabangsa “*We Are Site Managers*” (berlangsung dari 1-5 Mac 2024, di George Town, Malaysia) dari 37 buah negara, menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, George Town World Heritage Incorporated dan komuniti Bandar Bersejarah George Town atas penganjuran Simposium ini. Para peserta mengalu-alukan penganjuran Simposium ini sebagai suatu platform yang telus dan berinspirasi untuk membahas dan mengetengahkan peluang dan cabaran yang dihadapi oleh Pengurus Tapak (*Site Manager*) dalam konteks Konvensyen Berkenaan Perlindungan Warisan Kebudayaan dan Semula Jadi Dunia 1972 (*1972 Convention Concerning the Protection of the World Cultural and Natural Heritage*).

Pengurus Tapak berbakti tanpa mengenal erti lelah. Mereka adalah agen pemangkin yang menyerlahkan kepemimpinan dan teladan Warisan Dunia yang mentakrifkan amalan terbaik pemeliharaan, pemuliharaan, dan perlindungan tempat-tempat terunggul di dunia untuk generasi sekarang dan masa hadapan. Pengurus Tapak juga menggalas peranan penting sebagai jambatan yang mempertautkan dunia antarabangsa dan tempatan: Mereka adalah aktor yang bekerja di tapak Warisan Dunia dan mendukung gagasan Warisan Dunia. Mereka juga merupakan individu yang bertanggungjawab untuk turun ke lapangan bagi melaksanakan komitmen Negara Anggota (*State Party*) dalam pemeliharaan, pemuliharaan, dan transmisi warisan, di samping memastikan kelestarian warisan yang menyumbang kepada pembangunan mampan komuniti tempatan.

Kami menyeru semua pihak yang berkenaan untuk **MENGAMBIL MAKLUM** akan cabaran yang dihadapi oleh Pengurus Tapak dalam melaksanakan tanggungjawab harian mereka yang rumit tetapi penting, termasuk mengurus dan mengurangkan ancaman terhadap Harta Warisan Dunia (*World Heritage Properties*) yang semakin meningkat saban hari. Justeru, perhatian mendalam perlu diberikan terhadap peluang dan cabaran melibatkan peranan dan keberkesanan Pengurus Tapak yang beroperasi di dalam sistem pengurusan dan tadbir urus yang amat berbeza berdasarkan konteks geopolitik tempatan masing-masing.

SEDAR bahawa Pengurus Tapak lazimnya terpaksa beroperasi tanpa diberikan peluang untuk terlibat secara langsung dalam proses pencapaian keputusan dalam sistem Warisan Dunia. Pengurus Tapak turut dibebani oleh masalah kekurangan sumber, peluang yang terhad, peminggiran suara, serta kurang atau tiadanya mekanisme sesuai yang membolehkan Pengurus Tapak untuk menjalankan tugas mereka dengan berkesan. Justeru, kami menyeru agar suatu tindakan segera dilakukan bagi memperkasa peranan dan keberkesanan Pengurus Tapak yang bertugas di setiap Harta Warisan Dunia.

Oleh itu, kami **MENGUNDANG** semua Negara Anggota, Pusat Warisan Dunia, Badan Penasihat, Pusat Kategori II, Kerusi UNESCO, organisasi antarabangsa, kebangsaan, dan tempatan, serta komuniti dan pemegang taruh untuk mendukung inisiatif wawasan bersama, penempatan strategik, dan mengiktiraf secara rasmi peranan dan fungsi Pengurus Tapak dalam sistem Warisan Dunia bagi memacu pelaksanaan Konvensyen Warisan Dunia 1972 yang lebih berkesan melalui sokongan terhadap Deklarasi George Town ini.

TINDAKAN

- (1) **MENGIKTIRAF SECARA RASMI** mandat, peranan, dan fungsi Pengurus Tapak, khususnya penglibatan rasmi mereka ke dalam proses pencapaian keputusan sistem Warisan Dunia di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan tempatan. Terdapat keperluan mustahak untuk mewujudkan suatu daftar kategori baharu yang khusus untuk ‘Pengurus Tapak’ dalam pelaksanaan pelbagai aktiviti dan projek dalam sistem Warisan Dunia. Penglibatan langsung Pengurus Tapak dalam proses pencapaian keputusan Jawatankuasa Warisan Dunia (*World Heritage Committee*) berupaya memangkin perkongsian maklumat yang lebih telus berkenaan status pemuliharaan harta Warisan Dunia. Peluang ini juga akan membuka ruang kepada Pengurus Tapak untuk beroleh manfaat daripada pendedahan langsung terhadap pencapaian keputusan Jawatankuasa, mengambil teladan daripada pengalaman tapak Warisan Dunia lain, serta memahami perbincangan dan debat yang timbul semasa berlangsungnya sesebuah sesi Jawatankuasa.
- (2) **MENGUSULKAN** pemartabatan kedudukan Pengurus Tapak sebagai aktor penting dalam pembangunan sistem pengurusan tapak, terutama sebelum pemerolehan inskripsi. Oleh itu, kami menyarankan penubuhan suatu pejabat/entiti/autoriti Pengurus Tapak yang rasmi semasa proses penamaan dan berupaya untuk berfungsi dengan berkesan dalam konteks dan kerangka tempatan. Penubuhan entiti seumpama ini perlu menggariskan dengan jelas mekanisme pengurusan tapak, lengkap dengan sokongan sumber yang bersifat jangka panjang, berterusan dan mampan. Hal ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tempoh waktu yang mencukupi, sokongan kewangan untuk operasi, tekad politik, penyelarasan kerangka undang-undang di peringkat antarabangsa dan tempatan, pengiktirafan profesional, keterlibatan langsung dalam pencapaian keputusan, dan sumber manusia yang mencukupi. Perkara berikut merupakan aspek-aspek mustahak dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan Pengurus Tapak dalam pengurusan harta Warisan Dunia.
- (3) **MEMOHON** agar suara dan keprihatinan Pengurus Tapak dirujuk, dipertimbang dan diketengahkan melalui proses pencapaian keputusan yang telus, termaklum, dan bertanggungjawab. Proses ini perlu dipacu oleh penyertaan awal melalui komunikasi yang inklusif dan bermakna antara semua aktor berkaitan dalam pelaksanaan Konvensyen Warisan Dunia 1972 di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pengurus Tapak memiliki kepakaran luas dalam kearifan dan kemahiran tempatan. Mereka, selaku aktor

penting di lapangan, lazimnya menjalin hubungan erat dengan komuniti tempatan. Dalam hal ini, Pengurus Tapak dapat membantu melancarkan tugas pemantauan terhadap penunjuk pemuliharaan bagi pengekalanan taraf Nilai Unggul Sejahtera (*Outstanding Universal Values*), integriti dan keaslian harta Warisan Dunia, termasuk dalam konteks yang lebih luas. Jika diberi peluang, Pengurus Tapak berupaya untuk memberikan pandangan mandiri, jujur dan bebas yang mengutamakan kepentingan jangka panjang berbanding keuntungan sementara, sekaligus menjadi nilai tambah yang signifikan terhadap sebarang amalan pemantauan, pembinaan kapasiti, penilaian dasar, pembangunan garis panduan atau strategi pengurusan, atau pembangunan kerangka undang-undang.

- (4) **MENDUKUNG PEMBINAAN KAPASITI LANJUT** Pengurus Tapak dan pasukannya, serta rakan strategik lain sebagai pakar bidang bagi memastikan kelangsungan operasi jangka panjang yang berkesan. Pembangunan kapasiti ini harus melibatkan bidang kemahiran dan kompetensi yang mendorong kecekapan operasi Pengurus Tapak di harta Warisan Dunia dalam pentadbiran, pengurusan projek, pembuatan dasar, perundingan, komunikasi berkesan, penyediaan bajet, pengurusan kewangan, pelaksanaan program, dan banyak lagi.
- (5) **MENGGEMBLENG SOKONGAN** terhadap penubuhan Rangkaian Global Pengurus Tapak Warisan Dunia (*World Heritage Site Managers Global Network*) sebagai wadah kolektif global untuk Pengurus Tapak di seluruh dunia, seperti yang disarankan oleh Simposium ini. Rangkaian ini bertujuan untuk menyediakan senarai Pengurus Tapak di harta Warisan Dunia yang telus, inklusif, dan terkini. Hal ini sekaligus dapat menggalakkan **HUBUNGAN SESAMA PENGURUS TAPAK** melalui dialog dan kerjasama, perkongsian maklumat, pemanfaatan penuh sains dan teknologi, pencarian penyelesaian pragmatik di peringkat tapak, galakan terhadap pembangunan mampan di tapak warisan, dan menyokong keputusan yang diambil oleh Jawatankuasa Warisan Dunia, termasuk pelaksanaan Laporan Berkala, Pelan Tindakan, dan sebagainya. Pengurus Tapak dan rangkaian pengurus tapak yang mampan akan dirujuk dalam penubuhan Kumpulan Kerja Pengurus Tapak Warisan Dunia (*World Heritage Site Managers' Working Group*) yang pertama bagi memperkasa bentuk kepemimpinan dari akar umbi dan meneroka peluang untuk menjadikan Rangkaian ini sebagai entiti yang rasmi. Pengurus tapak yang tersenarai turut akan diundang untuk menyertai rangkaian ini.

Kami **MENGAKUI** bahawa perbincangan ini telah bermula lebih awal dalam Forum-Forum Pengurus Tapak Warisan Dunia (Kraków, 2017, Manama 2018, Baku 2019, Fuzhou/dalam talian 2021, dan Riyadh 2023) dan pelbagai aktiviti Kepimpinan Warisan Dunia lain. Kami mengucapkan terima kasih atas sumbangan para peserta dalam acara-acara yang tersebut ini.

Versi terakhir *George Town Declaration* (dalam bahasa Inggeris) telah disunting oleh pelapor bagi Simposium Antarabangsa *We Are Site Managers*. Terjemahan Bahasa Malaysia ini telah diusahakan oleh George Town World Heritage Incorporated. Sila rujuk versi Bahasa Inggeris untuk rujukan. Untuk maklumat lanjut mengenai Deklarasi ini, sila hubungi secretariat@gtwhi.com.my.

GEORGE TOWN DECLARATION

5 March 2024

George Town, Penang, Malaysia

PREAMBLE

We, the participants of the “We Are Site Managers International Symposium” (held from 1-5 March 2024, George Town, Malaysia) from 37 countries, express our gratitude to the Penang State Government, George Town World Heritage Incorporated and the communities of George Town Historic City for organizing the Symposium. Participants expressed that the Symposium was very welcome, providing a transparent and stimulating platform to discuss and highlight opportunities and challenges faced by Site Managers in the context of the 1972 Convention Concerning the Protection of the World Cultural and Natural Heritage.

Site Managers work with passion, and it is through them that World Heritage can show leadership in defining what best practice looks like in conserving, protecting, and safeguarding the world’s outstanding places for the present and future generations. Site Managers are the fundamental link between the international and local: they are the ones who work at World Heritage and advocate for World Heritage. They work on the ground, implementing the State Party’s commitment to the protection, conservation, and transmission of heritage, as well as ensuring that heritage contributes to the sustainable development of the local community.

ACKNOWLEDGING that Site Managers face daily challenges in executing their complex yet essential day-to-day responsibilities, including managing and mitigating increasing threats at World Heritage Properties, it is important and urgent to address the challenges and opportunities of the role and the effective functioning of Site Manager, which differs greatly with the applicable management and governance systems, as well as the local geo-context.

NOTING that Site Managers often operate in environments where they are not involved directly in the decision-making processes of the World Heritage system, resources are scarce, opportunities are limited, Site Managers' voices are not heard, and appropriate mechanisms for Site Managers to function efficiently are absent and/or lacking. Therefore, we call for urgent action to address the role and effective functioning of Site Managers at World Heritage Properties across the World.

We **INVITE** all State Parties, the World Heritage Centre, the Advisory Bodies, the Category II Centres, UNESCO Chairs, international, national, and local organizations, communities and stakeholders, to support the shared vision, strategic positioning, and formally recognise the Site Managers’ role and function in the World Heritage system for the effective implementation of the 1972 World Heritage Convention by adopting the George Town Declaration.

ACTIONS

- (1) **FORMALLY RECOGNISE** the Site Manager’s mandates, roles, and functions, as well as their formal involvement in the decision-making process of the World Heritage system at international, national and local levels. In particular, there is a necessity to establish a registration category specifically for ‘Site Managers’ during various activities and projects. Enabling the direct participation of Site Managers in the formal decision-making process of the World Heritage Committee will allow transparent information sharing on the state of conservation of World Heritage properties, and support Site Managers to benefit from first-hand exposure to the Committee’s decision-making, learn valuable lessons from other sites, as well as the discussions and debates that take place during these Committee sessions.
- (2) **RECOMMEND** that the Site Manager is an important party to the development of the site management system even before the inscription. Therefore, it is highly recommended for the formal establishment of a Site Manager office/entity/authority during the nomination process, that can function effectively within the local context and frameworks. Such establishments should include clearly articulated site management mechanisms with long-term, continuous and sustainable resources (such as sufficient time, financial support for operation, political will, synchronized legal framework at international and local levels, professional recognition, inclusion in decision-making, and sufficient human resources), to enhance the effectiveness and efficiency of a Site Manager for the World Heritage property.
- (3) **REQUEST** that voices and concerns of Site Managers be sought, considered and addressed, through a transparent, informed, and responsible decision-making process, facilitated by early, inclusive and meaningful communication with all the relevant actors in the implementation of the 1972 World Heritage Convention at both national and international levels. Site Managers possess extensive expertise in local knowledge, know-how, and often maintain strong connections with the local community, including facilitating monitoring of conservation indicators to retain the Outstanding Universal Values, integrity and authenticity of properties and in its wider setting. Given opportunities, Site Managers can provide independent insights that prioritize long-term interests over short-term gains, thereby adding significant value for any monitoring exercise, capacity building, policy evaluation, development of management guidelines or strategies, or establishment of legal frameworks.
- (4) **FACILITATE FURTHER CAPACITY BUILDING** of Site Managers, their teams and other colleagues for them to function efficiently in the long term as professionals, and this should include skills and competence areas that facilitate the overall effective functioning of the Site Managers at World Heritage properties in administration, project management, policy-making, negotiation, effective communication, financial and budget preparation, project execution, and more.

- (5) **INVITE SUPPORT** for the establishment of a World Heritage Site Managers Global Network recommended by the Symposium to serve as a global collective platform for Site Managers across the world. This Network aims to maintain a transparent, inclusive and updated list of Site Managers of World Heritage properties, thus encouraging **PEER-TO-PEER** dialogue and collaboration, sharing relevant information, maximizing science and technology, finding pragmatic solutions at the site level, promoting sustainable development of heritage sites, and supporting the World Heritage Committee in their adopted decision, including the implementation of Periodic Report, Action Plans and other activities. Established site managers and site managers' networks will be consulted on the formation of the inaugural World Heritage Site Managers' Working Group, to promote bottom-up leadership processes and explore opportunities for formalizing the Network. Site managers on the tentative list will also be invited to the network.

We **ACKNOWLEDGE** that these discussions started in the context of the World Heritage Site Managers' Forums (Kraków, 2017, Manama 2018, Baku 2019, Fuzhou/online 2021, and Riyadh 2023) and other World Heritage Leadership activities, and thank the participants of those events for their contributions.

This final version of the George Town Declaration (in English) has been edited by the rapporteurs of the We Are Site Managers International Symposium. Translated version of the Declaration will be available in the local language to mobilize collective support. For more information on this Declaration, please contact secretariat@gtwhi.com.my.